

Simbah asid selepas perkosa

Metro 12/8/11 4.



Wanita berdepan risiko buta selain cedera di muka kini terlantar di hospital

>>Oleh Raja Noraina Raja Rahim dan Muhaamad Hafis Nawawi

am@hmetro.com.my

KUALA LUMPUR: Bukan saja dirogol dan disamun, malah wajahnya turut disimbah sejenis cecair dipercayai asid menyebabkan mangsa berdepan risiko kemungkinan buta dan kini terlantar menerima rawatan di hospital.

Itu nasib yang menimpa seorang wanita bujang dan tinggal bersendirian selepasnya rumahnya diceroahi seorang penjenayah bertopeng, petang kelmarin.

Dalam kejadian kira-kira jam 6.30 petang itu, mangsa yang berusia 32 tahun baru pulang ke ru-

mahnya di Seksyen 2, Wangsa Maju, di sini, selepas membeli juadah untuk berbuka puasa di bazar Ramadan berhampiran.

Menurut sumber polis, sebaik tiba di rumah, mangsa membuka kunci pintu rumahnya tanpa menyedari seorang lelaki menceroboh masuk dan bersembunyi.

"Selepas meletakkan juadah berbuka di dapur, mangsa masuk ke bilik untuk menukar pakaian sementara menunggu waktu berbuka dan ketika itu lelaki terbabit yang bertopeng menghampiri mangsa dan merogolnya," katanya.

Sumber itu berkata, selepas merogol mangsa, lelaki bertopeng itu me-



nyimbah sejenis cecair dipercayai asid ke arah mangsa menyebabkan matanya pedih manakala mukanya terasa panas.

"Mangsa menjerit kesakitan sebelum lelaki itu yang panik merentap ran-

gai leher dan mengambil wang RM40 milik mangsa sebelum melarikan diri," katanya.

Menurutnya, selepas ditinggalkan dalam keadaan kesakitan mangsa menjerit meminta perto-

longan dan mujur jeritanya didengari jiran yang kemudian membawanya Hospital Kuala Lumpur (HKL).

Mangsa dirujuk ke bahagian kecemasan hospital itu bagi merawat kecederaan pada mata dan mukanya.

Sumber itu berkata, siasatan awal polis mendapati tiada kesan umpilan pada pintu menyebabkan wanita berkenaan tidak mengesyaki ada orang menceroboh masuk ke rumahnya.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Sentul, Asisten Komisioner Zakaria Pagan yang dihubungi semalam mengesahkan pihaknya menerima laporan kejadian itu dan siasatan dijalankan.